

14 FEB 2004

Mahathir-Rasuah

DR MAHATHIR SAMBUT BAIK TINDAKAN KERAJAAN BANTERAS RASUAH

KUALA LUMPUR, 14 Feb (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad menyifatkan tindakan tegas yang sedang diambil kerajaan bagi membanteras perbuatan rasuah dan pecah amanah sebagai sesuatu yang baik.

"Ia bagus," katanya apabila diminta mengulas perkara itu oleh pemberita hari ini.

Dr Mahathir yang kelihatan ceria, ditemui pemberita di Intan Bukit Kiara di sini hari ini selepas menghadiri majlis penyampaian Anugerah Fellow Intan 2003 kepada isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

Sejak memegang jawatan Perdana Menteri pada 31 Okt tahun lepas, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menggiatkan usaha untuk membersihkan Malaysia daripada amalan rasuah.

Dua tokoh dihadapkan ke mahkamah minggu ini kerana tuduhan rasuah. Pada 10 Feb, bekas pengarah urusan Perwaja Steel Sdn Bhd Tan Sri Eric Chia didakwa melakukan pecah amanah membabitkan wang syarikat itu berjumlah RM76.4 juta.

Pada hari berikutnya, Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Tan Sri Kasitah Gaddam yang dihadapkan ke mahkamah mengaku tidak bersalah terhadap tuduhan rasuah dan menipu membabitkan penjualan saham Sapi Plantation Sdn Bhd yang dipegang oleh Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (SLDB) pada 1996, dengan menggunakan kedudukannya sebagai pengerusi eksekutif SLDB.

Sementara itu di Jelebu, Negeri Sembilan semalam, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim berkata pihak berkuasa sedang menyiapkan siasatan terhadap 18 kes lagi yang melibatkan individu berkedudukan tinggi.

Beliau dilaporkan berkata suspek akan dihadapkan ke mahkamah sebaik saja Pejabat Peguam Negara dan Badan Pencegah Rasuah (BPR) mengumpul bukti yang cukup untuk memulakan pendakwaan.

-- BERNAMA  
NN MFJ SP RON